

NO. SOALAN : 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [
DUNGUN]**

TARIKH : 23 MEI 2016

SOALAN :

YB. Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan langkah-langkah untuk menaiktaraf pembangunan fizikal Muzium Dungun dan koleksi bahan-bahan yang berkaitan serta langkah-langkah yang telah diambil untuk menjadikan Muzium Dungun sebagai satu destinasi pelancongan

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Muzium Dungun berada di bawah kawalan dan ditadbir urus oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan bukannya berada di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Berdasarkan maklum balas yang diterima, antara langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan untuk menaik taraf Muzium Dungun ialah menaik taraf sistem penyamanan udara, melakukan kerja-kerja penyelenggaraan dan konservasi secara berkala serta mengadakan laluan masuk dari jalan utama ke Muzium Dungun. Dari segi koleksi pula, muzium ini telah meminjam beberapa koleksi temuan Kapal Karam Wanli daripada Jabatan Muzium Malaysia di samping koleksi yang berkaitan sejarah setempat dan koleksi kebudayaan dari Muzium Negeri Terengganu. Koleksi yang dipamerkan akan ditukar ganti setiap dua tahun.

Selain itu, antara langkah yang diambil bagi menjadikan Muzium Dungun sebagai destinasi pelancongan ialah menjadikan muzium ini sebagai ikon pelancongan bagi daerah Dungun, mengadakan pelbagai bentuk promosi dan aktiviti permuziuman seperti pertandingan mewarna, mengadakan lawatan berpandu, program jangkauan luar (*outreach*) dan memasang penunjuk arah di lokasi yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.